

## **Pengaruh Faktor Demografi terhadap Gelagat Keusahawanan Wanita Muslim B40 dalam Sektor Ekonomi Informal di Selangor**

**Aza Shahnaz Azman, Fadilah Mat Nor, Junainah IdrisNorlita Zainudin**

*Fakulti Ekonomi, Perakaunan dan Pengurusan, Universiti Islam Selangor,  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.*

*\*Corresponding author: azashahnaz@uis.edu.my*

### **ABSTRAK**

Penglibatan wanita dalam bidang keusahawanan memberi impak yang signifikan kepada kelestarian ekonomi khususnya kepada pendapatan keluarga dan kualiti hidup masyarakat. Malahan penyertaan mereka dalam keusahawanan telah mengurangkan masalah pengangguran dan juga masalah yang melibatkan sosio ekonomi negara. Justeru, objektif kajian ini untuk menilai gelagat keusahawanan berdasarkan ekosistem halal yang melibatkan faktor demografi. Antaranya ialah taraf pendidikan, pengalaman dan bilangan tanggungan isirumah di kalangan usahawan wanita Muslim B40 di sekitar Selangor. Keperluan ini diukur dengan menggunakan tiga sub-skala gelagat keusahawanan iaitu minat, kualiti hidup dan juga akhlak keusahawanan. Kajian ini menggunakan teknik pensampelan bertujuan dan sebanyak 402 borang soal selidik yang lengkap telah dianalisis secara kuantitatif menggunakan analisis deskriptif dan juga analisis MANOVA (Multivariate Analysis of Variance). Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan dalam skala gelagat keusahawanan iaitu minat, kualiti hidup dan akhlak keusahawanan. Selain itu, hasil kajian juga mendapati faktor demografi iaitu taraf pendidikan dan bilangan tanggungan isi rumah mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap gelagat keusahawanan. Walau bagaimanapun, salah satu pembolehubah demografi iaitu pengalaman atau tempoh penglibatan dalam bidang keusahawanan ini tidak membawa sebarang perbezaan dalam mempengaruhi minat dan akhlak keusahawanan. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar kajian lanjutan dilakukan keatas faktor demografi yang lain seperti umur dan anggaran pendapatan bagi melihat kepada perbezaan tersebut. Kajian merumuskan bahawa faktor demografi ini memberi impak kepada pembuat dasar dalam menerapkan ilmu pendidikan samada secara formal atau tidak formal kerana dengan pendidikan, usahawan cenderung untuk tingkatan kualiti hidup dan juga melestarikan kesejahteraan hidup dalam keusahawanan.

**Kata Kunci:** Gelagat keusahawanan, Faktor latar belakang, Usahawan wanita, Ekonomi informal.

### **PENGENALAN**

Keusahawanan yang bercorak informal merupakan satu cabang sektor ekonomi yang berpotensi tinggi dan telah menyumbang kepada pendapatan ekonomi sekitar 2.4% hingga 5.3% KDNK negara 2021 (Laporan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi 2022). Menurut Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2019), peningkatan peratusan wanita yang terlibat dalam sektor ekonomi tidak formal bukan pertanian adalah sebanyak 1.2% daripada 38.7% pada 2017 meningkat kepada 43.7 %s pada 2019. Jumlah guna tenaga dalam sektor ekonomi informal di Malaysia mencatatkan 1.26 juta orang, menyumbang sebanyak 8.3% daripada

guna tenaga Malaysia dan Selangor telah mencatatkan jumlah guna tenaga dalam sektor ekonomi informal yang paling tinggi dengan 208.9 ribu orang iaitu 16.6% pada tahun 2019 dan telah meningkat ke 25% iaitu 8214 ribu orang pada tahun 2021 (DOSM 2022). Statistik ini terus mencatatkan peningkatan dalam sektor informal ekoran impak pandemik Covid-19, melihat berlakunya mobility buruh antara sektor dalam ekonomi yang melihat kepada pekerja menampung kelangsungan hidup terutama bagi pekerja yang terjejas akibat daripada penutupan sektor ekonomi secara global. Berdasarkan statistik 2021, jumlah pekerjaan informal adalah seramai 3.50 juta orang dengan peratusan sebanyak 57%. Manakala taburan pekerjaan bagi wanita yang terlibat dengan perusahaan bukan pertanian mencatatkan sebanyak 44.7% dengan 1.22 juta orang. Sementara itu, komposisi pekerjaan informal di bandar lebih besar dengan peratusan sebanyak 77.9% bersamaan dengan 2.12 juta orang.

Justeru, kajian yang melibatkan penglibatan wanita Muslim yang terdiri daripada golongan B40 dalam sektor ekonomi informal adalah signifikan kerana antara faktor yang mendorong kepada penglibatan golongan wanita sepenuh masa dalam perusahaan mikro secara informal ini adalah faktor demografi dan pemusatan guna tenaga buruh di sektor formal masih didominasi oleh guna tenaga lelaki. Bagi menyokong kepada kelangsungan sesebuah keluarga, penglibatan wanita dalam sektor ekonomi informal ini lebih menjurus kepada keterlibatan mereka dalam bidang keusahawanan yang bersifat kecil-kecilan (mikro). Antara bentuk keusahawanan yang dilakukan dalam sektor ekonomi informal ini seperti menjaja, tukang jahit, jualan pasar malam, pembuat kuih mueh, pengasuh kanak-kanak dan mengguting rambut (DOSM 2021). Sehingga kini, statistik menunjukkan perusahaan wanita dalam sektor informal ini hanya beroperasi di rumah (37.1%), di pasar dan gerai jalanan (29.2%), tiada tempat tetap/khusus (20.7%), di pejabat/kilang/bengkel (13%) dan kawasan bandar mencatatkan peningkatan marginal sebanyak 0.8% daripada 959.9 ribu orang daripada 944.7 ribu orang pada tahun sebelumnya iaitu tahun 2019 (DOSM 2021).

Justeru, sektor ekonomi informal ini berada pada tahap risiko yang tinggi dan ia melibatkan upah tenaga buruh harian. Oleh yang demikian, menurut DOSM (2021), penyertaan yang tinggi dalam sektor ekonomi informal adalah terdiri daripada golongan wanita yang tidak berpendapatan tetap. Objektif utama golongan wanita surirumah yang menceburkan diri dalam perusahaan sektor ekonomi informal ini adalah bertujuan untuk menjana pendapatan tambahan bagi menampung keperluan keluarga serta minat yang mendalam dalam bidang perniagaan (Nor Hanim et al. 2021; Nurul Lyana & Azlina, 2020; Zaleha & Fairuz A'dilahi, 2021). Penglibatan mereka dalam sektor ekonomi informal ini melibatkan dua kos yang berbeza iaitu kos non-fizikal menjurus kepada kos masa dan juga kos peranan wanita dirumah yang dilaburkan manakala kos yang kedua ialah kos pengendalian perusahaan tersebut.

Oleh yang demikian, antara faktor-faktor demografi seperti umur, status perkahwinan, pendidikan, pendapatan isi rumah dan tanggungan keluarga adalah signifikan sebagai faktor-faktor penentu wanita untuk memulakan perniagaan sendiri (de Groot et al., 2017; Razuan et al., 2019; Wan Mohd Zaifurin & Ibrahim Mamat, 2019; Zaini et al., 2022). Setiap faktor yang diketengahkan dalam kajian-kajian lepas melibatkan faktor yang menjurus kepada latar belakang seperti status kewangan, sikap, minat, pendidikan, dorongan keluarga dan pengalaman dalam mempengaruhi penglibatan Wanita dalam bidang keusahawanan. Malahan, kecenderungan untuk lebih menyerlah dalam efisifikasi diri adalah sebahagian dalam diri majoriti usahawan wanita, khususnya apabila dihubungkan secara langsung kepada kualiti hidup mereka (Aguirre et al., 2021; Banu & Baral, 2022; Kautonen et al., 2017). Kejayaan yang diraih oleh majoriti usahawan-usahawan Muslim, menurut Abdullah

& Hj. Rofie, (2023); Suzana Md Samsudi, (2022), adalah individu yang mengamalkan ajaran Islam dalam konteks keusahawanan serta memberi manfaat kepada masyarakat melalui tindakan mereka. Justeru, matlamat utama seorang usahawan yang ingin mendapat kebaikan melalui perniagaannya serta meraih redha Allah SWT ialah sifat seorang usahawan dengan menetapkan matlamat keusahawannya yang berpaksikan Allah SWT iaitu dengan niat menuju al-falah iaitu kejayaan dunia dan kejayaan di akhirat (Mastura Abd Wahab & Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, 2021; Mohd. Faizal P. Rameli et al., 2014; Mubarak et al., 2017; Muryono, Endang Julliarti Muhammad, Afida Mastura Arif Abu Bakar, 2020; Suzana Md Samsudi, 2022). Ini akan membentuk jati diri individu dan mempunyai pencapaian yang jelas dalam matlamatnya. Firman Allah SWT menerusi surah Al-an'am (6:162-163) bermaksud:

*“Katakanlah, sesungguhnya sembahyangku, ibadahku, hidupku dan matiku, semuanya kerana Allah SWT, Tuhan semesta alam. Tiada bagiNya sekutu dan dengan demikian aku disuruh dan aku orang yang mula-mula Islam (tunduk kepada Allah SWT)”.*

Selari dengan hadis Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

*“Usaha yang paling baik sekali ialah usaha seseorang dengan tangannya dan semua jual beli yang diredhai oleh Tuhannya”.*

(Al-Ghazali, 2000)

Maka, kajian mengenai faktor demografi amat wajar dijalankan bagi membentuk kefahaman yang lebih mendalam terhadap gelagat keusahawanan dalam kalangan wanita B40. Kajian ini diharap memberi impak yang positif kerana ia melihat sejauh mana latar belakang memberi pengaruh kepada gelagat keusahawanan. Sejauh manakah perbezaan latar belakang daripada segi pendidikan, pengalaman perusahaan dan etika Muslim mempengaruhi gelagat keusahawanan? Adakah terdapat perbezaan diantara faktor latar belakang dalam mempengaruhi gelagat keusahawanan iaitu minat, etika Muslim dan kualiti hidup. Maka, secara khususnya objektif kajian adalah mengkaji perbezaan faktor latar belakang yang terdiri daripada pendidikan, pengalaman dan bilangan tanggungan isirumah dalam mempengaruhi gelagat usahawan wanita muslim B40.

### **Pendekatan Gelagat dalam Keusahawanan**

Definasi keusahawan ini dipetik daripada konsep keusahawanan iaitu individu yang mempunyai matlamat untuk keluar daripada kekangan faktor kewangan atau bukan kewangan dengan menjalankan perniagaan yang akan menghasilkan keuntungan. Selain itu, definasi usahawan ialah individu yang menggerakkan sebarang aktiviti perekonomian dengan bercirikan daya saing dan daya tahan, berdaya kreatif, mencari peluang dan membuka peluang pekerjaan dan berkemampuan untuk menguruskan aktiviti tersebut dengan risiko yang pelbagai (Laporan Kementerian Pembangunan Usahawanan dan Koperasi 2022).

Oleh itu, kajian ini telah mengadaptasikan pendekatan gelagat menerusi model Teori Gelagat Terancang (TGT) yang dibangunkan oleh (Ajzen, 1991). Ia juga merupakan model lanjutan daripada Teori Tindakan Beralasan (TTB) yang dikenali dengan Theory of Reason Action (Fishbein & Ajzen, 1975; Ajzen & Fishbein, 1980). Di dalam model TGT, Ajzen, (1991) melihat tiga faktor yang mempunyai hubungan yang positif terhadap niat dan gelagat, ia juga merumuskan bahawa faktor gelagat ditanggap yang berhubungan secara langsung dengan

gelagat dan ia bersifat positif. Tiga faktor yang mempengaruhi gelagat di dalam teori ini ialah sikap, norma subjektif dan juga gelagat ditanggapi. Sikap merujuk kepada tindakan atau tingkah laku yang boleh membawa kepada kejayaan atau perkara sebaliknya. Manakala norma subjektif ialah pengaruh persekitaran seperti pandangan sosial terhadap gelagat, persepsi luaran yang memberi impak kepada tindakan tersebut dan faktor ketiga iaitu faktor gelagat ditanggapi ialah faktor dalaman atau luaran yang memberi impak kepada tingkah laku seseorang seperti motivasi diri, keyakinan, bakat, bantuan luar dan sebagainya yang mempengaruhi tindakan.

Kaitan antara gelagat keusahawanan dan kualiti hidup merupakan satu indikator kepada pembangunan negara. Ia melihat kepada perspektif gelagat atau tindakan individu yang akan mencipta kejayaan dan kebahagiaan dalam kehidupannya. Dasar Keusahawanan Nasional (2022) dalam pemformalan kembali sektor informal telah menggariskan tiga objektif utama seperti membangunkan ekosistem keusahawanan yang kondusif dan saling melengkapi bagi menggalakkan pemformalan perniagaan, kedua, menghasilkan keusahawanan yang beretika dan berintegriti tinggi dan ketiga ialah menyediakan perlindungan sosial yang lebih baik bagi pemilik perniagaan dan pekerja.

Kajian-kajian mengenai konsep kualiti antaranya Wiklund et al., (2019); Kautonen et al., (2017); Rathakrishnan et al., (2018) telah membincangkan tentang kualiti hidup di bandar, cuma perbincangan lebih tertumpu kepada kajian masing-masing seperti komponen kesihatan, perumahan, alam sekitar dan pelbagai lagi. Pengukuran kesejahteraan hidup masih lagi tidak lengkap tanpa adanya subjek bersifat affective iaitu keselesaan dan kegembiraan. Keselesaan dan kegembiraan merupakan elemen utama di dalam kualiti hidup individu di bandar. Faktor subjektif ini menggambarkan, adakah mereka yang hidup di bandar akan melahirkan perasaan serta suara hati kegembiraan dan keselesaan (Diyana Ishak, Doris Padmini Selvaratnam, Nor Aini haji Idris, 2009; Greenhaus et al., 2003; Yazid Saleh et al., 2020). Kajian tersebut menyifatkan elemen keperluan tidak terhad kepada keperluan fizikal sahaja malah ia merangkumi perasaan puashati dan juga kegembiraan. Selari dengan kajian oleh Sa'at et al., (2022); Tahir et al., (2019); Azahan, A., Abdul Hadi, Harman Shah & Kadaruddin, (2008) yang membahaskan bahawa status nilai kualiti hidup di bandar tidak hanya bergantung kepada infrastruktur yang tersedia ada tetapi ia lebih berkait rapat dengan subjektif dalaman individu iaitu menilai aspek kesediaan diri penghuni bandar dan akses terhadap persekitaran yang disediakan dalam persekitaran mereka.

Justeru, kajian literatur seterusnya akan membincangkan faktor penentu kepada kejayaan usahawan wanita Muslim yang sering diabaikan iaitu faktor psikologi dalam membentuk jiwa berkualiti dalam diri usahawan iaitu faktor psikologi. Faktor psikologi yang melibatkan emosi akan memberi impak yang positif kepada gelagat keusahawanan dan juga kesejahteraan hidup. Hasil kajian lepas mendapati individu yang mempunyai tahap kesejahteraan hidup yang tinggi akan menghasilkan produktiviti yang lebih baik dan berkualiti (Banu & Baral, 2022; Hairunnizam Wahid & Radiah Abdul Kader, 2012; Hong et al., 2012). Hasil dapatan ini berhubungan secara positif diantara kesejahteraan hidup dengan faktor ekonomi yang lain. Selari dengan kajian lain juga mendapati emosi pekerja yang stabil cenderung menjalani kehidupan yang lebih sihat dan mempunyai tahap kesihatan yang baik.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan bersifat kuantitatif, melalui kajian keratan rentas (cross-sectional) bagi mengumpul data (Chua Yan Piaw, 2014; Uma & Roger, 2016).

Menurut Morgan, (1971) keperluan saiz sampel bagi kajian ialah sebanyak 402 mewakili keseluruhan populasi kajian 100,000 sampel dengan ralat persampelan telah ditetapkan sebanyak 5 peratus. Tambahan kepada formula ini ialah aras keyakinan adalah sebanyak 95 peratus. Dalam kajian ini, responden terdiri daripada surirumah sepenuh masa dari kategori B40 yang dipilih berdasarkan kepada objektif kajian. Responden kajian terdiri daripada golongan wanita Muslim yang tidak mempunyai pekerjaan yang tetap atau secara formal dalam sektor buruh dan hanya berperanan sebagai surirumah sepenuh masa. Tetapi, mereka terlibat dengan perniagaan kecil-kecilan yang tidak melibatkan mana-mana pihak dan hanya menjalankan perniagaan kurang daripada 8 jam dalam satu hari bekerja. Data responden diperolehi melalui teknik persampelan bertujuan.

Kajian rintis telah dijalankan dan mendapati instrumen yang diguna pakai mempunyai tahap kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi iaitu berada dalam lingkungan  $\alpha = 0.841$  hingga  $\alpha = 0.940$ . Manakala, bahagian pembuktian data secara empirikal yang digunakan adalah untuk merungkaikan permasalahan menerusi hujah-hujah logik fakta yang boleh menyokong hasil kajian. Pendekatan deduktif lebih menjurus kepada pengujian terhadap teori (TPB, Motivational Theories) yang digunakan dalam model kajian. Seterusnya, data diukur secara numerikal dan kemudian dianalisis menerusi pakej-pakej SPSS dan SmartPLS dalam menentukan kebenaran penerokaan sesuatu teori (Hair et al., 2017).

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Profil Responden**

Jadual 1 menunjukkan profil responden seramai 402 dengan ciri-ciri demografik yang dikaji. Ia merangkumi status perkahwinan, tahap pendidikan, tempoh penglibatan dan bilangan tanggungan isirumah. Seramai 402 orang usahawan wanita informal di sekitar Selangor yang terlibat dalam kajian ini dan majoriti responden mempunyai status berkahwin seramai 198 orang (49.3 peratus), manakala usahawan wanita yang masih bujang seramai 188 orang (46.8 peratus) dan terdapat sebilangan ibu tunggal yang bertindak sebagai ketua isi rumah iaitu seramai 16 orang (4 peratus). Manakala dari segi tahap pendidikan pula majoriti kelayakan sehingga ke peringkat sekolah menengah atas (SPM/MCE) dengan 110 orang (27.4 peratus), seterusnya mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dengan memperolehi Diploma seramai 100 orang (24.9 peratus) dan juga yang memperolehi STPM seramai 68 (16.9 peratus). Selain daripada itu, terdapat juga 29 responden (7.2 peratus) yang memperolehi sijil kemahiran MARA dan juga responden yang telah menjalani kursus pendek 62 orang (15.4 peratus). Keseluruhan responden yang dikaji mempunyai tahap pendidikan yang baik dan malah dikatakan mempunyai kemahiran dalam menggarap ilmu diperingkat formal pendidikan.

Selain daripada itu, majoriti pengalaman responden yang terlibat dengan perusahaan kurang dari 4 tahun iaitu seramai 164 orang (40.8 peratus), manakala terdapat 117 orang (29.1 peratus) tempoh penglibatan diantara 4 tahun hingga 6 tahun. Selebihnya adalah responden yang telah lama menceburkan diri dalam bidang keusahawanan antara 7 tahun hingga 10 tahun masing-masing adalah seramai 61 orang (15.2 peratus) dan 60 orang (14.9 peratus). Profil responden yang seterusnya ialah bilangan tanggungan isirumah. Responden yang mempunyai 7 orang tanggungan ke atas adalah seramai 27 orang (6.7 peratus). Majoriti responden yang mempunyai tanggungan diantara 5 orang hingga 6 orang adalah seramai 150 orang (37.3 peratus). Manakala responden yang mempunyai bilangan isirumah diantara 3 hingga 4 orang tanggungan adalah seramai 119 orang (29.6 peratus) dan selebihnya terdapat

106 responden (26.4 peratus) yang mempunyai antara seorang hingga 2 orang tanggungan sahaja. Maklumat profil responden selanjutnya adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

### **Jadual 1**

*Profil Responden Kajian (n=402)*

	Ciri-ciri	Kekerapan	Peratusan (%)
Status Perkahwinan	Bujang	188	46.8
	Berkahwin	198	49.3
	Ibu tunggal	16	4.0
Pencapaian Pendidikan	LCE/SRP/PMR	33	8.2
	MCE/SPM	110	27.4
	HSC/STPM	68	16.9
	Sijil Kemahiran MARA	29	7.2
	Kursus Pendek	62	15.4
	Diploma	100	24.9
Tempoh Penglibatan	<4 tahun	164	40.8
	4 tahun – 6 tahun	117	29.1
	7 tahun - 9 tahun	61	15.2
	>10 tahun	60	14.9
Bilangan Tanggungan Isirumah	1-2 tanggungan	106	26.4
	3-4 tanggungan	119	29.6
	5-6 tanggungan	150	37.3
	>7 tanggungan	27	6.7

## **GELAGAT KEUSAHAWANAN WANITA INFORMAL**

### **Pendidikan**

Berdasarkan Jadual 2, secara keseluruhan, keputusan Ujian Multivariate Pillai's Trace menunjukkan bahawa wujud kesan utama diantara tahap pendidikan keatas gelagat keusahawanan yang signifikan [ $F(15,1188) = 2.19, p < 0.05$  terhadap ketiga-tiga pemboleh ubah bersandar secara keseluruhan. Keputusan ini disokong dengan dapatan daripada analisis MANOVA berdasarkan Jadual 3 yang menunjukkan bahawa secara keseluruhan, wujud kesan utama pendidikan terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu minat, kualiti hidup dan etika muslim. Dapatan ini menunjukkan wujud kesan pendidikan yang signifikan terhadap dua daripada tiga pemboleh ubah bersandar dalam kajian, iaitu minat dan etika muslim.

Hasil analisis MANOVA ini juga menyatakan bahawa secara signifikan, pendidikan merupakan faktor kepada minat dalam keusahawanan iaitu dengan inferensi [ $F(5, 396) = 4.67, p < 0.05$ ] dan etika muslim dalam keusahawanan dengan inferensi [ $F(5, 396) = 3.51, p < 0.05$ ]. Justeru, pendidikan responden merupakan faktor yang mempengaruhi minat dan etika dalam keusahawanan. Walau bagaimanapun,, hasil kajian menunjukkan bahawa tidak kesan utama pendidikan yang signifikan terhadap pemboleh ubah bersandar kualiti hidup. Manakala nilai R<sup>2</sup> yang disumbangkan oleh pendidikan adalah sebanyak 0.056 atau 5.6

peratus perubahan dalam minat dan 0.042 atau 4.2 peratus daripada perubahan dalam pemboleh ubah etika muslim.

Kesimpulan daripada analisis ini, menunjukkan hipotesis kajian faktor pendidikan merupakan faktor utama dalam mempengaruhi perubahan secara signifikan ke atas gelagat keusahawanan iaitu minat, kualiti hidup dan juga etika muslim dikalangan golongan usahawan wanita informal di Selangor.

### **Jadual 2**

*Ujian Multivariate Pillai's Trace*

Kesan Utama	Value	F	Hypothesis df	Error df	Sig
Pendidikan	0.081	2.185	15.000	1188.000	0.005

### **Jadual 3**

*Analisis MANOVA Berdasarkan Pendidikan*

Pemboleh Bersandar	Ubah Type III Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig*
Minat	4.825	5	0.965	4.668	0.000
Kualiti Hidup	1.291	5	0.258	1.037	0.396
Etika Muslim	3.179	5	0.636	3.507	0.004

*Error df = 396*

*a. R Squared = 0.056 (Adjusted R Squared = 0.044)*

*b. R Squared = 0.042 (Adjusted R Squared = 0.030)*

*\*The Mean difference is significant at the 0.05 level*

### **Pengalaman**

Merujuk Jadual 4, secara keseluruhan, keputusan Ujian Multivariate Pillai's Trace menunjukkan bahawa terdapat kesan utama pemboleh ubah bebas pengalaman yang signifikan iaitu  $p < 0.05$  dengan inferensi  $[F(9,1194) = 6.21, p < 0.05]$  terhadap ketiga-tiga pemboleh ubah bersandar kajian ini iaitu minat, kualiti hidup dan etika muslim. Berdasarkan dapatan kajian ini, pengkaji menolak hipotesis nul dan seterusnya melaporkan bahawa secara keseluruhannya terdapat penentuan tahap gelagat keusahawanan yang signifikan dalam kalangan usahawan wanita informal berdasarkan pengalaman.

Jadual 5 menunjukkan keputusan analisis MANOVA. Kesan utama faktor pengalaman didapati adalah signifikan keatas pemboleh ubah bersandar kualiti hidup dengan inferensi  $[F(3,398) = 13.31, p < 0.05]$ . Walau bagaimanapun, hasil dapatan menunjukkan keputusan yang tiada perbezaan diantara pengalaman terhadap minat dan juga etika muslim keusahawanan. Keputusan analisis ini seterusnya mencadangkan bahawa kajian pada masa akan datang perlu dilaksanakan bagi faktor-faktor yang lain terhadap gelagat keusahawanan kerana pengalaman penglibatan dalam bidang keusahawanan ini bukan merupakan faktor yang dapat mempengaruhi gelagat keusahawanan dalam kalangan usahawan wanita informal di sekitar Selangor secara signifikan.

**Jadual 4**

*Ujian Multivariate Pillai's Trace*

Kesan Utama	Value	F	Hypothesis df	Error df	Sig
Pengalaman	0.134	6.205	9.000	1194.000	0.000

**Jadual 5**

*Analisis MANOVA Berdasarkan Pengalaman*

Pemboleh Bersandar	Ubah Type III Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig*
Minat	0.363	3	0.121	0.558	0.642
Kualiti Hidup	9.110	3	3.037	13.305	0.000
Etika Muslim	0.982	3	0.327	1.765	0.154

Error df = 398

a. R Squared = 0.091 (Adjusted R Squared = 0.084)

\*The Mean difference is significant at the 0.05 level

**Bilangan Tanggungan**

Jadual 6, secara keseluruhan, keputusan Ujian Multivariate Pillai's Trace menunjukkan bahawa terdapat kesan utama pemboleh ubah bebas iaitu bilangan tanggungan isi rumah yang signifikan iaitu  $p < 0.05$  dengan inferensi  $[F(27,1176) = 2.30, p < 0.05]$  terhadap ketiga-tiga pemboleh ubah bersandar kajian ini iaitu minat, kualiti hidup dan etika muslim. Berdasarkan keputusan ini, pengkaji menolak hipotesis nul dan seterusnya melaporkan terdapat perbezaan terhadap gelagat keusahawanan yang signifikan berdasarkan faktor bilangan tanggungan secara keseluruhannya. Dapatan ini seterusnya disokong oleh analisis MANOVA yang berasingan berdasarkan Jadual 7.

**Jadual 6**

*Ujian Multivariate Pillai's Trace*

Kesan Utama	Value	F	Hypothesis df	Error df	Sig
Bilangan Tanggungan	0.151	2.302	27.000	1176.000	0.000

Jadual 7 menunjukkan kesan utama pemboleh ubah bebas bilangan tanggungan adalah signifikan terhadap ketiga-tiga sub-skala gelagat keusahawanan iaitu pada minat  $[F(9,392) = 2.41, p = 0.04]$  dimana  $p < 0.05$ . Kualiti hidup  $[F(9,392) = 2.26, p = 0.01]$  dimana  $p < 0.05$  dan etika muslim dengan  $[F(9,392) = 2.11, p = 0.03, p < 0.05]$ . Selain itu, hasil keputusan analisis juga menunjukkan bahawa dalam populasi kajian, faktor bilangan tanggungan isi rumah menyumbang sebanyak 5.0 peratus perubahan dalam pemboleh ubah bersandar minat dan juga kualiti hidup dan sebanyak 3.0 peratus keatas etika muslim.

Sehubungan dengan itu, rumusan bagi keseluruhan analisis ini ialah terdapat kesan utama dalam faktor bilangan tanggungan isi rumah terhadap gelagat keusahawan dalam kalangan usahawan wanita sektor ekonomi informal di sekitar Selangor.

**Jadual 7**

*Analisis MANOVA Berdasarkan Bilangan Tanggungan*

Pemboleh Bersandar	Ubah Type III Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig*
--------------------	------------------------------	----	-------------	---	------



Minat	4.540	9	0.504	2.407	0.011
Kualiti Hidup	4.919	9	0.547	2.255	0.018
Etika Muslim	3.463	9	0.385	2.109	0.028

*Error df = 392*

*a. R Squared = 0.052 (Adjusted R Squared = 0.031)*

*b. R Squared = 0.049 (Adjusted R Squared = 0.027)*

*c. R Squared = 0.046 (Adjusted R Squared = 0.024)*

*\*The Mean difference is significant at the 0.05 level*

## **PERBINCANGAN**

Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan tahap pendidikan terhadap gelagat keusahawanan dalam kalangan usahawan wanita muslim B40 di negeri Selangor. Dapatan ini bertepatan dengan kajian faktor pendidikan mempengaruhi kejayaan seseorang usahawan di mana pendidikan merupakan komponen latar belakang yang membantu individu untuk lebih kompeten dalam menguruskan perusahaan mereka. Individu yang mempunyai pendidikan idang keusahawanan mempunyai peluang yang lebih cerah berbanding mereka yang kurang berpengetahuan dalam keusawanan (Abu Bakar et al., 2007; Tunggak & Ahmed, 2015). Malahan kajian oleh Anuar & Sahid, (2022) menyatakan kesan pendidikan dalam silibus keusahawanan keatas minda pelajar memberi impak yang signifikan keatas pemilihan kerjaya selepas pelajar bergraduati. Namun begitu, kajian oleh Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, Abd Rahim Bakar,(2002) mendapati pelajar cenderung memilih kerjaya selain daripada bidang keusahawanan, malah majoriti 52.6 peratus tidak mempunyai aspirasi keusahawanan dalam minda mereka.

Walau bagaimana pun, dapatan jelas membuktikan bahawa faktor pendidikan adalah komponen yang signifikan kepada sub-skala gelagat keusahawanan iaitu minat dan etika muslim. Analisis tahap antara komponen pendidikan juga adalah tinggi terhadap minat dan juga etika muslim yang ditonjolkan oleh usahawan masing-masing mencatatkan min 0.965 dan 0.636. Ini menunjukkan persepsi usahawan iaitu sangat bersetuju mengatakan pendidikan amat diperlukan dalam dunia keusahawanan. Melalui pendidikan, ia boleh memupuk minat dan kecenderungan individu dalam menguruskan perusahaan mereka dengan lebih cekap dan mempunyai minda yang positif untuk mendapatkan ilmu dan pengalaman yang baru dalam bidang keusahawanan. Melalui, Kementarian Pendidikan telah berusaha untuk mendidik para graduan dengan ilmu keusahawanan di semua institusi pengajian tinggi dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015). Matlamat kerajaan adalah membentuk masyarakat yang lestari dan berdaya saing di pasaran global (Ayob et al., 2016; Halim & Sahid, 2020). Justeru, individu yang terlibat dalam bidang keusahawanan perlu mempamerkan tingkah laku yang beretika kerana dengan etika kerja yang baik, dapat menyelesaikan masalah secara kritikal, berkomunikasi serta dapat membentuk budaya keusahawanan yang mempunyai nilai-nilai murni seterusnya berjaya dalam bidang keusahawanan yang diceburi (Abdullah & Hj. Rofie, 2023; Ayob et al., 2023; Nor Shafira Norhisham & Sheerad Sahid, 2022; Suzana Md Samsudi, 2022)

Kesan faktor pengalaman ini dapat dilihat menerusi sub-skala kualiti hidup di mana ia memberi kesan yang signifikan dikalangan usahawan wanita Muslim B40. Dengan menceburi bidang keusahawanan ini penetapan objektif adalah penting kerana ia melibatkan tindakan yang berterusan keatas perusahaan mereka. Kualiti hidup berkait rapat dengan pencapaian matlamat dalam penglibatan perusahaan. Kualiti hidup bertindak sebagai

indikator kepada kejayaan usahawan samada kejayaan yang berbentuk fizikal dan non fizikal material iaitu kebahagiaan dan kesejahteraan hidup dan tidak lagi dibelenggu oleh masalah kewangan keluarga. Dapatan ini selari dengan sunnah kehidupan. Allah SWT telah menetapkan bahawa setiap pekerjaan yang diredhai Allah SWT akan diberkati dan dilimpahkan rezeki (Syarifah, Raziah, and Azizah, 2018; Syarifah Md Yusof et al., 2018).

Namun, hasil kajian juga mendapati kesan pengalaman tidak memberi sebarang perbezaan terhadap minat. Penentuan kepada minat tidak ditentukan oleh pengalaman sebaliknya minat adalah dipengaruhi oleh faktor dorongan keluarga atau berlatar belakang keluarga yang berniaga. Malah, faktor dorongan keluarga ini membantu menimbulkan minat terhadap keusahawanan dan seterusnya mempengaruhi keputusan untuk pemilihan kerjaya sebagai usahawan. Sebaliknya pengalaman akan menentukan sikap dalam pembuatan keputusan dan sejauh mana ia memberi kesan kepada keseluruhan objektif penentu (Kemat et al., 2013). Hal yang sama juga dijelaskan oleh dapatan kajian bahawa pengalaman tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap etika muslim. Menurut Faridah Jaafar (2015) etika perlu disematkan dalam diri usahawan dalam menjalankan perusahaan. Etika mencerminkan nilai murni dan disegani oleh pihak pesaing.

Dapatan kajian ketiga iaitu terdapat perbezaan yang signifikan dalam bilangan tanggungan isirumah secara keseluruhannya. Hasil deskriptif menunjukkan bilangan tanggungan isi rumah yang ramai (melebihi 4 orang keatas) mempengaruhi tahap perbelanjaan isirumah. Antara faktor yang menyumbang kepada ketidakcukupan sumber kewangan dalam sesebuah keluarga ialah bilangan tanggungan isi rumah yang tinggi dan ketidakcukupan pendapatan yang diterima serta pengurusan kewangan yang tidak cekap dalam isi rumah tersebut. Kenaikan kos sara hidup, kos pendidikan, perubatan dan kos keperluan harian adalah tidak selari dengan gaji yang diterima dalam menguruskan keperluan bilangan tanggungan isi rumah.

Dapatan juga mendapati faktor bilangan tanggungan mempengaruhi kecenderungan untuk wanita Muslim B40 terlibat dengan keusahawanan adalah tinggi. Malah, peranan wanita dirumah akan dilaburkan bagi mencapai objektif dalam penglibatan mereka di pasaran. Menurut Embong & Rusdi, (2021), antara faktor kejayaan yang diperolehi oleh usahawanan wanita di Kelantan adalah mereka menunjukkan sikap yang positif serta kegigihan dalam menguruskan perusahaan. Dan yang lebih utama iaitu meningkatkan taraf hidup serta ekonomi keluarga.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini mengenalpasti faktor demografi yang mempengaruhi gelagat keusahawanan dalam kalangan wanita Muslim B40 disekitar Selangor. Hasil dapatan yang diperolehi menggambarkan sejauhmanakah faktor latar belakang ini berintervensi dengan gelagat keusahawanan yang terdiri daripada minat, kualiti hidup dan juga etika muslim. Faktor latar belakang yang telah digunakan untuk melihat komponen gelagat keusahawanan ini ialah faktor pendidikan, faktor pengalaman dan juga faktor bilangan tanggungan isirumah. Secara keseluruhannya terdapat perbezaan gelagat keusahawanan yang signifikan berdasarkan faktor pendidikan, faktor pengalaman dan faktor bilangan tanggungan isirumah. Setiap daripada sub-skala ini menunjukkan peratusan perubahan yang tinggi terhadap gelagat keusahawanan. Hasil perbincangan juga merumuskan bahawa faktor latar belakang adalah berhubungan positif dengan gelagat keusahawanan. Walau pun kajian ini terbatas kepada tiga faktor latar

belakang dan juga tiga sub-skala gelagat keusahawanan, tetapi ia jelas menghasilkan dapatan yang memberi implikasi untuk pelaksanaan dasar yang lebih menyeluruh. Maka dicadangkan agar kajian lanjutan dilakukan terhadap faktor pendidikan yang diperolehi oleh responden dengan lebih komprehensif. Ini adalah kerana pendidikan memainkan peranan yang utama dalam mempengaruhi kecenderungan individu untuk memilih kerjaya sebagai usahawan. Manakala, dalam pendekatan pendidikan tidak formal, kajian lanjutan perlu diterokai untuk mengenalpasti sejauh mana tahap pengaruh pendidikan tidak formal terhadap etika keusahawanan selaras dengan etika murni dalam syariat Islam.

## **RUJUKAN**

- Al-Ghazali. (1988). *Ihya' Ulum al-Din*. Jil 1-4. Terj. Prof. TK. H. Ismail Yakub MA-SH. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Al-Quran, Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran. (1998). Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.
- Abdullah, S., & Hj. Rofie, M. K. (2023). Kebijakan Dan Strategi Keusahawanan Islam Pasca Covid-19. *Journal of Business Management and Accounting*, 13(1), 107–127. <https://doi.org/10.32890/jbma2023.13.1.5>
- Aboo, K., & Khalid, T. (2016). Dilemma Kemiskinan: Falsafah, Budaya dan Strategi. *Akademika*, 86(02). <https://doi.org/10.17576/akad-2016-8602-05>
- Abu Bakar, T., Md Ali, A., Omar, R., Md Som, H., & Muktar, S. N. (2007). *Penglibatan Kaum Wanita Dalam Aktiviti Keusahawanan Di Negeri Johor: Kajian Terhadap Faktor-Faktor Kritikal Kejayaan ( Women ' S Involvement in Enterpreneurship in Johor: a Study About Critical Factors in Achievement and Failure in Handling Business )* P. Tesis, 183.
- Aguirre, J. C., Peralta Zuñiga, M. L., Mora, P., & Blanco, F. (2021). Innovative entrepreneurship and quality of life. The case of Ecuador. *Academia Revista Latinoamericana de Administracion*, 34(1), 143–164. <https://doi.org/10.1108/ARLA-04-2020-0076>
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179–211. [https://doi.org/10.1016/0749-5978\(91\)90020-T](https://doi.org/10.1016/0749-5978(91)90020-T)
- Anita Ismail, Farah Laili Muda @ Ismail, Mashitah Binti Sulaiman, & Sakinah Ahmad. (2021). *Pembudayaan Keusahawanan Islam Menuju Al-Falah: Cabaran Globalisasi Era Covid-19*. 4 Th International Virtual Conference on Economics, Entrepreneurship and Management, 15.
- Anuar, A. S., & Sahid, S. (2022). Kesan Pendidikan Keusahawanan ke atas Set Minda Keusahawanan: Pengaruh Pengantara Faktor Kognitif. *Akademika*, 92(Isu Khas), 195–207.
- Awang, N. H., Othman, Norfatiha, Nor Sa'at, H., & Ismail, R. (2021). Dorongan Kelangsungan Usahawan Wanita dalam Perusahaan Batik dan Songket. *Jurnal Pengurusan*, 61(1), 1–16. <https://doi.org/10.17576/pengurusan-2021-61-06>
- Ayob, N. A., Aziz, M. A., Ayob, N. H., Abd Hamid, S. N. F., & Ahmad, Y. (2023). Role of Institutions in Women Entrepreneurship Development: A Literature Review on Human Capital, Competitiveness, and Digital Entrepreneurship Peranan Institusi dalam Pembangunan Keusahawanan Wanita: Kajian Literatur Modal Insan, Daya Saing dan Keusahawa. *Journal of Administrative Science*, 20(1), 191–212.
- Ayob, N. A., Muhamad, S. D., & Ismail, T. (2016). Faktor pembentukan modal insan dan daya saing usahawan wanita Malaysia: kajian empirikal wanita bumiputera di Melaka. *Geografia: Malaysian Journal of Society & Space*, 12(5), 115–129.

- Azahan Awang, Abdul Hadi Harman Shah, & Kadaruddin Aiyub. (2008). Penilaian Makna Kualiti Hidup dan Aplikasinya dalam Bidang Pengurusan Persekitaran di Malaysia. *Akademika*, 72 (Januar(1), 45–68.
- Banu, J., & Baral, R. (2022). Career choice, growth and well-being of women entrepreneurs' community: insights on driving factors in India. *Journal of Enterprising Communities*, 16(5), 781–807. <https://doi.org/10.1108/JEC-12-2020-0206>
- Chua Yan Piaw. (2014). *Ujian Regresi, Analisis Faktor dan Analisis SEM*. McGrawHill Education.
- de Groot, J., Mohlakoana, N., Knox, A., & Bressers, H. (2017). Fuelling women's empowerment? An exploration of the linkages between gender, entrepreneurship and access to energy in the informal food sector. *Energy Research and Social Science*, 28(December 2016), 86–97.
- Diyana Ishak, Doris Padmini Selvaratnam, Nor Aini haji Idris. (2009). Isu Dan Cabaran Ibu Tunggal Dalam Menghadapi Perubahan. *Prosiding PERKEM IV*, 1, 324–336.
- Embong, Z., & Rusdi, F. A. (2021). Faktor Pendorong dan Kejayaan Usahawan Wanita di Kelantan. November, 77–87.
- Faridah Jaafar. (2015). Etika perniagaan dan permasalahan di Malaysia. In 1 St National Conference on Business & Innovation.
- Ghazali, S. (2020). Meninjau ruang wanita dalam kajian geografi manusia di Malaysia. December.
- Greenhaus, J. H., Collins, K. M., & Shaw, J. D. (2003). The relation between work-family balance and quality of life. *Journal of Vocational Behavior*, 63(3), 510–531.
- Hair, J. F., Hult, G. T. M., Ringle, C. M., Sarstedt, M., & Thiele, K. O. (2017). Mirror, mirror on the wall: a comparative evaluation of composite-based structural equation modeling methods. *Journal of the Academy of Marketing Science*, 45(5), 616–632. <https://doi.org/10.1007/s11747-017-0517-x>
- Hairunnizam Wahid, & Radiah Abdul Kader. (2012). Cadangan penyetempatan pengagihan zakat di Malaysia: Adakah amil sudah bersedia? *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 46(2), 17–27.
- Halim, N. H., & Sahid, S. (2020). Kemahiran Kesiapan Kerja, Efikasi Kendiri, Tingkah Laku Keusahawanan dan Eksplorasi Kerjaya dalam kalangan Graduan. *Akademika*, 90(2015), 155–165. <https://doi.org/10.17576/akad-2020-90IK3-12>
- Hong, Z., Hong, T., Cui, Z., & Luzhuang, W. (2012). Entrepreneurship Quality of College Students Related to Entrepreneurial Education: Empirical Study on Psychological and Behavioral Characteristics. *Energy Procedia*, 17, 1907–1913.
- Kautonen, T., Kibler, E., & Minniti, M. (2017). Late-career entrepreneurship, income and quality of life. *Journal of Business Venturing*, 32(3), 318–333.
- Kemat, B., Dan, A.-H., & Zain Yusof, M. (2013). Sikap Keusahawanan dan Hasrat Keusahawanan: Satu Penilaian Instrumen dalam Mengkaji Kecenderungan Keusahawanan (Entrepreneurial Attitude and Entrepreneurial Intention: An Assessment of Instruments in The Study of Entrepreneurial Tendency).
- Lope Pihie, Z. A., & Abd Rahim Bakar, M. M. K. (2002). Pelaksanaan Pendidikan Keusahawanan di Malaysia: Kesan Terhadap Aspirasi Keusahawanan Pelajar. *Pertanika Journal Sosial Sciences & Humanities*, 10(1), 53–61.
- Marsick, V. J., & Watkins, K. E. (2001). Informal and Incidental Learning. *New Directions for Adult and Continuing Education*, 2001(89), 25. <https://doi.org/10.1002/ace.5>
- Mastura Abd Wahab, & Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali. (2021). Konsep Agama, Islam, Ilmu Dan Akhlak Oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas Dalam Islam: Faham Agama Dan Asas Akhlak. *Ulum Islamiyyah*, 33(2), 145–154.

- Md Yusof, S., Hamed, A. B., Md Tahir, R., & Othman, A. (2018a). Usahawan Wanita Muslim Berjaya: Amalan Gaya Hidup Islam Successful Women Enterpreneur: Islamic Life Practice. *International Journal of Islamic Business*, 3(1), 1–18.
- Md Yusof, S., Hamed, A. B., Md Tahir, R., & Othman, A. (2018b). Usahawan Wanita Muslim Berjaya: Amalan Gaya Hidup Islam. *International Journal of Islamic Business*, 3(1), 1–18.
- Mohd. Faizal P.Rameli, Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, Kalsom Ab. Wahab, & Suhaida Mohd. Amin. (2014). Etika Perniagaan Islam: Pengalaman Usahawan Muslim di Melaka. *Jurnal Usahawan*, 9, 442–450.
- Morgan, K. (1971). Sample Size Determination Using Krejcie and Morgan Table. Kenya Projects Organization (KENPRO).
- Mubarak, M. Z., Hayas, K. M., Ismail, M., Muhayiddin, M. N., & Wan Salihin, W. A. (2017). Pengaruh Ciri-ciri Kerohanian Terhadap Motivasi Usahawan. *Journal of Human Development and Communication*, 6, 141–150.
- Muryono, Endang Julliarti Muhammad, Afida Mastura Arif Abu Bakar, E. (2020). Perkaitan Antara Faktor Individu Dan Amalan Beretika Peniaga Bazar larut Malam Di Lembah Klang. ... of Human Ecology (Mjhe) Volume 1(6).
- Nor Shafira Norhisham, & Sheerad Sahid. (2022). Efikasi Keusahawanan dan Impaknya terhadap Penciptaan Perniagaan dalam Pendidikan Keusahawanan di Universiti Awam. *Akademika*, 92(3), 81–90. <https://doi.org/10.17576/akad-2022-9203-06>
- Rathakrishnan, B., Ayid, J. A., Singh, S. S. B., Kamaluddin, M. R., & Wani, M. A. (2018). The Motivation , Entrepreneurial Attitudes , and Quality of Life among People with Absolute Poverty in Sabah , Malaysia. June.
- Razuan, M. R., R, Z., M.S, S., & Awang, A. H. (2019). Kualiti keusahawanan dalam kalangan usahawan kecil dan sederhana. *Malaysian Journal of Society and Space*, 15(3), 13–27. <https://doi.org/10.17576/geo-2019-1503-02>
- Sa'at, N. H., Abdul Latip, A. R., Othman, N., Abd Rasid, N. H., & Aziz, N. (2022). Kelestarian Pembangunan Dan Kesejahteraan Hidup Komuniti Pesisir Pantai: Kajian Kes Di Senok, Kelantan. *Journal of Business and Social Development*, 10(1), 25–40. <https://doi.org/10.46754/jbsd.2022.03.003>
- Sabri, N. L., & Azlina, M. K. (2020). Cabaran dan Faktor Kejayaan Usahawan Ibu Tunggal di Negeri Perak. *Malaysian Journal of Human Ecology (MJHE)*, December, 25–42.
- Suzana Md Samsudi. (2022). Model Usahawan Berjaya Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Dunia Perniagaan*; Vol 4 No 1 (2022): Mar 2022.
- Tahir, Z., Abdul Malek, J., Selvadurai, S., & Hussain, Y. (2019). Transformasi memajukan industri kecil dan sederhana (IKS) di kalangan wanita luar bandar. *Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 151–162. <https://doi.org/10.17576/geo-2019-1504-11>
- Tunggak, B., & Ahmed, Z. (2015). Pengaruh Faktor Latar Belakang Terhadap Orientasi Sikap Keusahawanan dalam.pdf. *Akademika*, 85(2), 29–43.
- Tunggak, B., & Salamon, H. (2011). Mengembalikan Kegemilangan Tamadun Melayu-Islam Menerusi Pemupukan Budaya Niaga Berteraskan Akhlak Usaha bagi mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian. *Sari- International Journal of the World and Civilisation*, 29(2), 123–148.
- Uma, S., & Roger, B. (2016). pdf Research Methods For Business: A Skill-Building Approach Uma Sekaran , Roger Bougie
- Wan Mohd Zaifurin, & Ibrahim Mamat. (2019). Faktor-Faktor Penentu Kecenderungan Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Akademika*, 89(2), 3–15.
- Wiklund, J., Nikolaev, B., Shir, N., Foo, M. Der, & Bradley, S. (2019). Entrepreneurship and well-being: Past, present, and future. *Journal of Business Venturing*, 34(4), 579–588. <https://doi.org/10.1016/j.jbusvent.2019.01.002>

- Yaacob, Y. H. (2016). *Kajian Faktor Kejayaan dan Pencapaian Usahawan Muslim di Malaysia*. 1, 1982–2004.
- Yazid Saleh, Hanifah Mahat, Mohmadisa Hashim, Nayan, N., & Saiyidatina Balkhis Norkhaidi. (2020). Perbezaan kualiti hidup penduduk berdasarkan ciri demografi di pusat petempatan kecil: Kajian kes daerah Muallim, Perak, Malaysia. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 6(1), 12–21. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol6.1.2.2020>
- Zaini, B. J., Sarkawi, M. N., Mansor, R., Bohari, A. M., & Mustaffa, M. A. (2022). Demographic Factors Affecting Entrepreneurial Intention Among Asnaf Ipt Students. *Journal of Information System and Technology Management*, 7(29), 58–69. <https://doi.org/10.35631/jistm.729005>